

Kaji jurang taraf hidup

LABUAN, Sabtu — Datuk Musa Hitam mengakhiri lawatan rasmi ke Sabah dengan seruan agar Kerajaan Negeri menganalisa jurang perbezaan perbelanjaan perkapita rakyat luar bandar dengan bandar di negeri ini.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, langkah itu bertujuan memudahkan Kerajaan Negeri menggubal satu strategi mengelakkan jurang perbezaan besar di dalam taraf hidup rakyat khususnya di antara penduduk luar bandar dengan bandar.

Belliau berpendapat,

rancangan pembangunan di kawasan bandar berjalan jauh lebih lancar dibanding dengan kawasan luar bandar.

"Oleh itu satu analisa perlu bagi mendapatkan gambaran lebih jelas mengenai perkara ini," kata Timbalan Perdana Menteri di sidang akhbar di Seri Labuan malam tadi.

Belliau tiba di sini petang semalam untuk melawat beberapa projek pembangunan di pulau ini, termasuk limbungan kapal Sabah dan kilang tepung gandum usahasama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Datuk Musa berkata, perangkaan Kerajaan

Pusat menunjukkan kadar peratusan kemiskinan rakyat luar bandar Sabah ialah 78.9% berbanding dengan 5.8% di kawasan bandar dalam jangkamasa tiga hingga empat tahun lalu.

Selanjutnya belliau mengingatkan Kerajaan Negeri tentang perlunya memberi perhatian terhadap usaha menanam semula kawasan hutan di negeri ini.

Langkah ini, jelasnya, bertujuan mengekalkan sumber hutan sebagai salah satu dari hasil utama Sabah.

"Bagaimanapun saya sukacita memaklumkan, Sabah setakat ini telah banyak menjalankan usaha tanaman semula hutannya dan kebanyakannya telahpun mengeluarkan hasil," katanya.

Mengenai kegiatan anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDCO), Datuk Musa berkata terdapat antara dua hingga tiga anak syarikat itu yang sedang menghadapi masalah berdasarkan kepada faktor di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri.

"Salah satu darinya ialah Syarikat Tepung Gandum Labuan dan saya telah mengarahkan kajian menyeluruh sertamerta dijalankan bagi meningkatkan lagi pengeluarannya.

"Kajian yang sama juga akan dijalankan terhadap syarikat Borneo Film Production atas sebab yang sama.

"Terdapat kemungkinan syarikat ini akan diserapkan ke dalam syarikat perfileman yang sedia ada," tambahnya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Kerajaan merancang mengkaji semula formula kebangsaan mengenai pembahagian peruntukan kepada kerajaan-kerajaan negeri bagi pelaksanaan berbagai projek pembangunan.

Langkah ini, tambahnya, bertujuan memastikan setiap kerajaan negeri memperoleh peruntukan sewajarnya bagi pelaksanaan berbagai projek pembangunan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia